

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan sumber modal bagi setiap jenis milikan perniagaan berikut :



KEDAI COOP MALAYSIA



POS MALAYSIA

[2 markah]

- (b) Carta akaun berikut digunakan oleh Studio Ceria dalam penyimpanan akaun perniagaan.

Kod Item	Jenis Akaun
1000/00	Akaun Bukan Semasa
2000/00	Akaun Semasa
3000/00	Liabiliti Bukan Semasa
4000/00	Liabiliti Semasa
5000/00	Hasil
6000/00	Belanja

Cadangkan Kod Item bagi Akaun Pinjaman dan Akaun Sewa Diterima.

[2 markah]

- (c) Rekodkan urusaniaga di bawah ke dalam Jurnal Am.
“ Membayar cek bagi menyelesaikan hutang bernilai RM4 250 kepada Pembekal Akmal dan menerima diskaun bernilai RM150.”

[2 markah]

- (d) Belanjawan tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Belanjawan Tunai bagi dua bulan berakhir 31 Jun 2020

Butir	Mei	Jun
Baki b/b	8 000	N
Penerimaan :		
Jualan	12 500	14 500
Pinjaman Bank		20 000
Jumlah penerimaan	12 500	34 500
Pembayaran :		
Belian	5 400	7 500
Sewa	2 000	2 000
Utiliti	300	300
Jumlah pembayaran	7 700	9 800
Lebihan / kurangan	4800	O
Baki h/b	12800	P

Berapakah nilai N dan P?

[2 markah]

- (e) Maklumat yang berikut diambil daripada buku Kelab Koperasi Tekun pada 31 Disember 2019.

Buku Tunai (2019)

2013	Penerimaan	RM	
	Yuran 2018	100	
	Yuran 2019	2 468	
	Yuran 2020	150	
		<u>2 718</u>	

Maklumat tambahan:

1 Januari 2019 : Yuran belum terima bagi tahun 2018 ialah RM 100

31 Disember 2019 : Yuran belum terima bagi tahun 2020 ialah RM 200

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran bagi tahun 2019.

[2 markah]

- 2 Maklumat berikut menunjukkan Imbangan Duga BTY-21 Enterprise yang menjalankan perniagaan alat telekomunikasi pada 31 Disember 2019.

BTY-21 Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Januari 2019		150 000
Ambilan	8 400	
Belian dan Jualan	77 160	127 604
Inventori pada 1 Januari 2019	45 600	
Pulangan		560
Sewa		15 000
Angkutan masuk	2 300	
Cukai Import	2 700	
Angkutan keluar	1 300	
Hutang lapuk	260	
Belanja am	224	
Gaji	10 800	
Komisen		5 000
Kadar bayaran	1 040	
Promosi	10 200	
Insurans	6 000	
Alatan pejabat (kos)	16 000	
Lengkapan (kos)	4 800	
Premis (kos)	140 000	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		1 600
Tunai	260	
Bank	13 600	
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	5 880	6 220
Peruntukan hutang ragu		400
Pinjaman		40 140
	346 524	346 524

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2019:

- (i) Inventori barang niaga dicatat dalam kad inventori berasingan:

	Kad inventori 1	Kad inventori 2	Kad inventori 3
	RM	RM	RM
Harga kos	11 200	12 400	21 870
Harga Pasaran	11 470	15 450	21 800

- (ii) Perniagaan telah mengikat perjanjian pengiklanan untuk tujuan promosi dengan Rancangan Niflxx sehingga 31 Disember 2019. Invois yang diterima adalah berjumlah RM10 000.
- (iii) Sebahagian ruang premis disewakan kepada Perniagaan Army Group yang menjalankan perniagaan menjual talian telefon berjenama Xstream. Penerimaan sewa bermula 1 Oktober 2019 adalah termasuk dua bulan deposit sebagai perjanjian sewaan.
- (iv) Polisi insurans yang dibayar oleh perniagaan adalah bagi tempoh setahun berakhir 28 Februari 2020
- (v) Perniagaan telah menetapkan kaedah pengiraan susut nilai bagi Aset Bukan Semasa adalah seperti berikut:
- i) Alatan pejabat disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 - ii) Lengkapan dijangka akan digunakan selama 7 tahun. Nilai skrap yang dianggarkan adalah RM600.
- (vi) Seorang pelanggan didapati tidak mampu menjelaskan hutangnya kerana diisytiharkan sebagai muflis dan hutangnya sebanyak RM1 000 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% berdasarkan baki Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Pemilik telah membuat bayaran upah atas belian sebanyak RM2 600 dengan menggunakan wang peribadi tetapi perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 [12 markah]

- 3 Berikut merupakan maklumat perakaunan Perusahaan Keropok Ugang yang beroperasi di kawasan Perindustrian Kempas, Johor Bahru pada 30 Jun 2020

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	120 400	
Inventori pada 1 Julai 2019:		
Bahan langsung	28 800	
Kerja dalam proses	15 000	
Barang siap	43 000	
Alat – Alat kecil	980	
Jualan		570 950
Belian bahan langsung	181 300	
Pulangan belian bahan langsung		1 300
Belian alat-alat kecil	1 700	
Mesin (kos)	25 000	
Susut nilai terkumpul mesin		9 690
Angkutan masuk bahan langsung	1 200	
Gaji operator pengeluaran	48 000	
Gaji penyelia dan pengurus kilang	39 500	
Sewa kilang	98 000	
Belanja penyelenggaraan	19 260	
Kadar bayaran	23 700	
Belanja am	1 500	
Insurans	7 200	
Akaun Belum Terima	18 000	
Akaun Belum Bayar		11 900
Angkutan keluar	700	
Modal pada 1 Julai 2019		79 400
	673 240	673 240

Maklumat tambahan :

i) Inventori pada 30 Jun 2020

	RM
Bahan langsung	25 500
Kerja dalam proses	10 500
Barang siap	11 200
Alat-alat kecil	277

ii) Angkutan masuk RM 550 tersilap rekod dalam angkutan keluar

iii) Sewa kilang tahunan RM96 000

iv) Gaji operator pengeluaran masih belum dijelaskan untuk bulan Jun bernilai RM 2 800

v) Mesin disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

vi) Bayaran royalti RM 3 000 telah dijelaskan tetapi terlupa rekod.

vii) Jualan RM2 380 diterima untuk kerja-kerja yang dilakukan pada bulan Julai 2020.

viii) Agihan belanja kilang dan pejabat seperti di bawah:

	Kilang	Pejabat
Insurans	70%	20%
Kadarbayaran	80%	20%
Belanja am	40%	60%
Belanja penyelenggaraan	70%	30%

Anda dikehendaki menyediakan :

- | | |
|--|-------------|
| a) Akaun alat-alat kecil | [3 markah] |
| b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 | [18 markah] |
| c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 | [4 markah] |

Bahagian B
[40 markah]
Jawab dua soalan sahaja.

- 4 (a) Rosman adalah pemilik Perniagaan Rose di Kangkar Pulai Johor Bahru. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan beliau pada 1 Julai 2020.

	RM
Kenderaan	98 000
Alatan Pejabat	12 500
Tunai di bank	6 100
Inventori	7 300
Akaun Belum Terima	9 950
Modal	105 450
Akaun Belum Bayar	8 400
Pinjaman	20 000

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2020

- Julai 2 Jual barang niaga berkost RM1 800 secara kredit pada harga RM2 000
- 5 Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM250 untuk kegunaan keluarga.
- 7 Membeli barang niaga bernilai RM2 200 dan menjelaskan bayaran dengan cek
- 12 Menerima nota kredit daripada pembekal berjumlah RM300.
- 18 Bayar sewa kedai RM 1 250 dengan cek
- 25 Menerima cek untuk pembayaran invois bertariikh 2 Julai dan memberi diskaun RM200
- 28 Pemilik membawa masuk komputer bernilai RM 1 700 untuk kegunaan perniagaan
- 31 Membayar gaji pekerja berjumlah RM 2 000 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan :

Jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A.**

[10 markah]

- (b) Suraya dan Syamira merupakan pekongsi dalam Perkongsian 2S yang menjalankan perniagaan di Johor Bahru yang berkongsi untung mengikut nisbah 3 : 2. Kedudukan kewangan perkongsian pada 31 Ogos 2020 ialah seperti berikut :

	RM
Aset	
Kenderaan	50 000
Kelengkapan	30 000
Inventori	13 000
Akaun Belum Terima	14 600
Bank	9 800
Tunai	1 000
Akaun Modal	
Suraya	32 000
Syamira	25 000
Akaun Semasa	
Suraya	4 600
Syamira	(500)
Pinjaman Suraya	40 000
Akaun Belum Bayar	17 300

Pada 1 September 2020, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan mereka. Perkara-perkara berikut telah dipersetujui semasa proses realisasi:

- (i) Kelengkapan, kenderaan dan inventori telah dijual dengan harga RM69 000
- (ii) Baki akaun belum terima telah dijelaskan dengan memberi diskaun RM600
- (iii) Pinjaman diambil alih oleh Suraya
- (iv) Akaun belum bayar telah dijelaskan dan menerima diskaun RM300
- (v) Belanja realisasi RM1 500
- (vi) Bil elektrik RM350 telah dijumpai semasa pembubaran
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kenderaan [2 markah]
- (ii) Akaun Realisasi [8 markah]

- 5 (a) Jadual di bawah ini menunjukkan aset bukan semasa yang di beli dengan cek oleh Syarikat Kah Hong Sdn.Bhd.

Tarikh	Aset	Kos (RM)
1 Julai 2017	Mesin A	30 000
1 Oktober 2018	Mesin B	35 000

Kadar Peruntukan susut nilai ialah 10% atas kos (susut nilai dikira berasaskan bulan penggunaan mesin itu). Pada 31 Disember 2019 Mesin A dijual dengan harga RM 20 000 dengan cek. Tahun Kewangan Syarikat berakhir pada 31 Disember 2019.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun yang berikut bagi tahun semasa

31 Disember 2019

- (i) Akaun Mesin [2 markah]
- (ii) Akaun susutnilai Terkumpul Mesin [3 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Mesin [5 markah]

- (b) Syarikat Auto OnePart Nasional Berhad merupakan syarikat pembekal utama alat ganti kereta nasional. Syarikat telah menerbitkan 50 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 100 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada 1 Januari 2020, semua Syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 1 Ogos 2020. Syarikat tersebut memerlukan modal tambahan untuk menambah cawangannya. Syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 400 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Pada 31 Ogos 2020, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 31 Disember 2020, Lembaga Pengarah Syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5 sen sesyer kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki menghitung.

- (i) Modal diterbitkan dan berbayar penuh terbitan pertama. [2 markah]
- (ii) Modal diterbitkan dan berbayar penuh terbitan kedua. [2 markah]
- (iii) Dividen Akhir bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa [4 markah]
- (iv) Menyatakan **dua** perbandingan **ciri-ciri** syarikat persendirian dan Syarikat Awam Berhad [2 markah]

- 6 (a) Pada 1 April 2020, Puan Zizi memulakan perniagaan menjual buku dan alat tulis dengan modal tunai dan bank berjumlah RM80 000. Berikut adalah buku catatan pertama yang telah disediakan oleh Puan Zizi pada bulan April 2020.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	F	No Dokumen	Jumlah
2020				RM
Apr 6	Aman Enterprise		A001	2 700
17	Peniagaan Shamilla		A002	1 800
25	Cocon Enterprise		A003	1 600
30	Akaun Jualan			6 100

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	F	No Dokumen	Jumlah
2020				RM
Apr 2	Book Talk Sdn Bhd		I344	10 440
15	Syarikat Alat Tulis Kiang		8762	5 340
27	Syarikat Alaf Baru		5663	12 655
30	Akaun Belian			28 435

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	F	No Dokumen	Jumlah
2020				RM
Apr 8	Book Talk Sdn Bhd		CN022	220
30	Akaun Pulangan belian			220

Anda dikehendaki memindahkan catatan dari Jurnal Khas ke Lejar

[10 markah]

- (b) Perniagaan Remy Enterprise merupakan pengeluar daging burger berjenama REMY di Johor Bahru. Harga jualan untuk satu paket daging burger tersebut ialah RM6.00



Anggaran kos pengeluaran produk bagi tahun kewangan 31 Ogos 2020 adalah seperti berikut :

Paras Keluaran Unit / Paket	Jumlah Kos RM
0	8 000
2 500	18 000
5 000	28 000

Anda dikehendaki menghitung :

- (i) Kos berubah seunit [1 markah]
(ii) Margin Caruman [1 markah]
(iii) Titik pulang modal (dalam unit dan RM) [3 markah]

Berdasarkan jawapan anda di atas, lakarkan graf titik pulang modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala yang sesuai.

Anda perlu :

- (i) Labelkan semua garisan pada graf [3 markah]
(ii) Tunjukkan titik pulang modal [1 markah]
(iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi [1 markah]